

Definisi Rukyah Berdasarkan Analisis Kenampakan Hilal Ramadan dan Syawal di Negara Brunei Darussalam

BITARA

Volume 6, Issue 2, 2023: 185-200
© The Author(s) 2023
e-ISSN: 2600-9080
<http://www.bitarajournal.com>
Received: 11 March 2023
Accepted: 11 April 2023
Published: 16 Mei 2023

[The Definition of Rukyah Based on Analysis Visibility of Crescent for Ramadan and Syawal in Brunei Darussalam]

Sharifah Shazwani Syed Mohamed¹ & Iknor Azli Ibrahim^{*1&2}

1 Pusat Penyelidikan Mazhab Syafie (PPMS), Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA), Spg 347, Jalan Pasar Gadong, BE 1310 BRUNEI Darussalam. E-mail: p109365@siswa.ukm.edu.my, iknor.azli@unissa.edu.bn

2 Fakulti Syariah dan Undang-undang, Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA), Spg 347, Jalan Pasar Gadong, BE 1310 BRUNEI Darussalam.

*Corresponding Author: iknor.azli@unissa.edu.bn

Abstrak

Penentuan hilal merupakan asas kepada pembinaan sesebuah takwim Hijri. Bagi negara-negara MABIMS telah wujud kesepakatan dalam menetapkan kaedah penentuan hilal iaitu dengan menggunakan kaedah Imkanur rukyah. Kaedah ini merupakan gabungan kaedah rukyah dan hisab yang menggunakan kriteria tertentu dalam menentukan keboleh nampak hilal. Walau bagaimanapun, negara Brunei Darussalam mengamalkan kaedah penentuan hilal yang agak berbeza dengan negara MABIMS lain apabila menggunakan kaedah rukyah pada tiga bulan ibadah iaitu Ramadan, Syawal dan Zulhijah. Oleh yang demikian, kajian ini akan menganalisis kenampakan hilal bagi bulan Ramadan, Syawal dan Zulhijah untuk tempoh masa 20 tahun Hijri kebelakangan bagi mengenal pasti takrifan rukyah yang digunakan. Untuk mencapai objektif tersebut, kajian ini menggunakan kaedah analisis perbandingan data hilal di antara negara Brunei Darussalam dengan negara MABIMS yang lain iaitu Malaysia. Kaedah temu bual tidak berstruktur juga digunakan bagi mengetahui prosedur penentuan hilal di Brunei Darussalam. Kajian ini mendapati kaedah rukyah yang digunakan di Brunei Darussalam ini bukanlah rukyah secara mata kasar, sebaliknya ia adalah ru'yah hilal dengan sokongan alatan optik seperti teodolit dan teleskop. Sekiranya hilal tidak kelihatan meskipun sudah memenuhi kriteria Imkanur Rukyah MABIMS, maka hilal dianggap tidak dapat dirukyah dan bulan Syaaban digenapkan kepada 30 hari.

Kata kunci: hilal, astrofiqh, MABIMS, takwim hijri, falak

Abstract

The determination of the new moon (crescent) is the basis in Hijri calendar. For MABIMS countries, there has established method of determining the crescent, which is by using the Imkanur rukyah criteria. This method is a combination of rukyah and hisab that use certain criteria to determine the visibility of the crescent. However, Brunei Darussalam practices a different method in determining the crescent for Ramadan, Syawal and Zulhijah where practicing only rukyah method instead of Imkanur rukyah criteria. Therefore, this study will analyze the visibility of the crescent for the months of Ramadan and Syawal for the past 20 years to identify the definition of rukyah used in Brunei Darussalam. To achieve the objective, this study uses the method of comparative analysis of visibility crescent data between Brunei Darussalam and Malaysia. An unstructured interview method was also used to find out the procedure for determining the crescent in Brunei Darussalam. This study found that the rukyah method used in Brunei Darussalam is not rukyah with the naked eye, but instead it is rukyah with the support of optical aids such as theodolite and telescope. If the crescent is not visible

even though it has met the criteria of Imkanur Rukyah MABIMS, the crescent is considered unable to be seen and Shaaban is completed to 30 days.

Keywords: crescent, astrofiqh, MABIMS, hijri calendar, islamic astronomy

Cite This Article:

Sharifah Shazwani Syed Mohamed & Iknor Azli Ibrahim. (2023). Definisi Rukyah Berdasarkan Analisis Kenampakan Hilal Ramadan dan Syawal di Negara Brunei Darussalam [The Definition of Rukyah Based on Analysis Visibility of Crescent for Ramadan and Syawal in Brunei Darussalam]. *BITARA International Journal of Civilizational Studies and Human Sciences* 6(2): 185-200.

Pengenalan

Sistem takwim yang efektif adalah penyusunan takwim yang selari dengan fenomena objek langit yang dijadikan rujukan. Asas takwim yang digunakan dalam ketamadunan Islam dinamakan sebagai takwim Hijri yang berasaskan kepada peredaran dan perubahan bulan sebagai titik rujukan atau lebih tepat dari sudut astronomi ialah peredaran bulan mengelilingi bumi. Hal ini sebagaimana yang difirmankan oleh Allah SWT dalam surah Yunus ayat 5;

هُوَ الَّذِي جَعَلَ الشَّمْسُ ضِيَاءً وَالْقَمَرَ نُورًا وَقَدَرَهُ مَنَازِلَ لِتَعْلَمُوا عَدَدَ السِّنِينَ وَالْحِسَابَ مَا خَلَقَ اللَّهُ ذَلِكَ إِلَّا بِالْحَقِّ يُفَصِّلُ الْآيَاتِ لِقَوْمٍ يَعْلَمُونَ

Maksud; Dia lah yang menjadikan matahari bersinar-sinar (terang-benderang) dan bulan bercahaya, dan Dia lah yang menentukan perjalanan tiap-tiap satu itu (berpindah-randah) pada tempat-tempat peredarannya masing-masing) supaya kamu dapat mengetahui bilangan tahun dan kiraan masa. Allah tidak menjadikan semuanya itu melainkan dengan adanya faedah dan gunanya yang sebenar. Allah menjelaskan ayat-ayatNya (tanda-tanda kebesaranNya) satu persatu bagi kaum yang mahu mengetahui (hikmat sesuatu yang dijadikanNya).

Dalam membicarakan mengenai penentuan Ramadhan, Syawal dan Zulhijah, ia perlu merujuk kepada panduan yang telah diberikan oleh Allah SWT melalui dalil al-Quran dan hadis Rasulullah SAW yang berkaitan.

Sebagai panduan kepada umat Islam, Allah SWT telah memberi petunjuk bagi menentukan ibadah-ibadah yang berkaitan dengan takwim iaitu dengan melihat perubahan fasa bulan seperti firman Allah dalam surah al-Baqarah ayat 189;

يَسْأَلُونَكَ عَنِ الْأَهِلَّةِ قُلْ هِيَ مَوَاقِيتُ لِلنَّاسِ وَالْحَجِّ

Maksudnya; Mereka bertanya kepadamu (wahai Muhammad) mengenai (peredaran) anak-anak bulan. Katakanlah: "(peredaran) anak-anak bulan itu menandakan waktu-waktu (urusan dan amalan) manusia, khususnya ibadat Haji.

Manakala untuk melengkapi perintah berpuasa, maka penjelasan mengenai penentuan awal Ramadan diterangkan seperti mana firman Allah SWT dalam surah al-Baqarah ayat 185;

شَهْرُ رَمَضَانَ الَّذِي أُنْزِلَ فِيهِ الْقُرْآنُ هُدًى لِّلنَّاسِ وَبَيِّنَاتٍ مِّنَ الْهُدَىٰ وَالْفُرْقَانِ فَمَن شَهِدَ مِنْكُمُ الشَّهْرَ فَلْيَصُمْهُ ۖ

Maksudnya: Masa yang diwajibkan kamu berpuasa itu ialah bulan Ramadan yang padanya diturunkan Al-Quran, menjadi petunjuk bagi sekalian manusia, dan menjadi keterangan-keterangan yang menjelaskan petunjuk dan (menjelaskan) perbezaan antara yang benar dengan yang salah. Oleh itu, sesiapa dari antara kamu yang berada dalam bulan Ramadan, maka hendaklah ia berpuasa.

Hadis Rasulullah SAW yang menyebut mengenai penentuan puasa di bulan Ramadan;

حَدَّثَنَا عَبْدُ اللَّهِ بْنُ مَسْلَمَةَ، حَدَّثَنَا مَالِكٌ، عَنْ نَافِعٍ، عَنْ عَبْدِ اللَّهِ بْنِ عُمَرَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُمَا: أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ ذَكَرَ رَمَضَانَ فَقَالَ: «لَا تَصُومُوا حَتَّى تَرَوْا الْهِلَالَ، وَلَا تُفْطِرُوا حَتَّى تَرَوْهُ، فَإِنْ غَمَّ عَلَيْكُمْ فَافْطُرُوا لَهُ

Maksudnya: Janganlah kamu berpuasa sehingga kamu melihat hilal, dan janganlah berbuka (hari raya) sehingga kamu melihat hilal, jika hilal tertutup awan dari kamu maka kadarkanlah. (Sahih Bukhari No 1906)

Berdasarkan dalil yang dinyatakan di atas, pemahaman daripada zahir hadis jelas menyatakan bahawa bagi memulakan dan mengakhiri puasa dan hari raya adalah dengan merukyah hilal. Ini bermakna sekiranya langit cerah dan hilal kelihatan pada saat matahari terbenam pada waktu maghrib 29 Syaaban maka hari esoknya ialah 1 Ramadan manakala sekiranya hilal jelas kelihatan pada 29 Ramadan maka esoknya ialah 1 Syawal. Namun sekiranya terdapat perkara yang menghalang daripada hilal kelihatan maka berdasarkan hadis, pelaksanaan puasa dan raya perlulah digenapkan 30 hari atau dengan istilah lain *istikmal*.

Namun, terdapat lafaz lain yang juga penting bagi penentuan hilal iaitu (فَافْطُرُوا) yang bermaksud hitungan dan perkiraan. Menurut Mohammaddin et.al (2016) terdapat dua pandangan utama dalam hal ini. Pandangan pertama merupakan pilihan ulama salaf dan khalaf seperti Abu Hanifah, Malik, al-Shafi'i, al-Nawawi dan Ibn Hajar al-Asqalani iaitu sekiranya hilal tidak kelihatan maka esoknya akan digenapkan 30 haribulan. Manakala pandangan kedua merupakan pandangan ulama seperti Muṭarrif bin 'Abd Allāh al-Mālikī, Ibn Qutaybah, Abū al-'Abbās bin Surayj al-Shāfi'ī serta ulama kontemporari seperti Muḥammad Bakhīt al-Muṭī'ī, Ṭantāwī Jawharī, Aḥmad Muḥammad Shākīr, Muṣṭafā Aḥmad al-Zarqā' dan Yūsuf al-Qaraḍāwī iaitu sekiranya hilal tidak kelihatan maka penentuan adalah berdasarkan hisab.

Bertitik tolak daripada pendapat ini, maka kaedah hisab mula digunakan sebagai salah satu metode penentuan hilal. Malah, terdapat juga gabungan kaedah rukyah dan hisab yang dinamakan sebagai kaedah *imkanur rukyah*. Kaedah hisab yang digunakan adalah berdasarkan kriteria tertentu yang dapat menjangkakan kenampakan terawal hilal.

Kaedah Penentuan Hilal di Negara-negara MABIMS

MABIMS mula ditubuhkan pada hari Isnin, 5 Muharam 1410 Hijriah bersamaan 7 Ogos 1989. Pertemuan pertama telah diadakan di Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam. MABIMS merupakan singkatan kepada Pertemuan Tahunan Tidak Rasmi Menteri – Menteri Agama; Negara Brunei Darussalam, Republik Indonesia, Malaysia dan Republik Singapura. Penubuhan MABIMS merupakan cetusan idea daripada Menteri Hal Ehwal Ugama Negara Brunei; Raja Dato' Seri Utama Dr. Ustaz Haji Awang Mohd Zain bin Haji Serudin, Menteri Hal Ehwal Agama Indonesia; Yang Terhormat Haji Munawir Sjadzali M.A dan Menteri di Jabatan Perdana Menteri; Yang Berhormat Dato' Dr. Mohamad Yusof bin Haji Mohamed Moor dalam membentuk kesepakatan atas dasar keagamaan bagi menjaga kemaslahatan dan kepentingan umat Islam serantau (Pelita Brunei 2010).

Bidang kerjasama MABIMS dibahagikan kepada dua iaitu (i) Bidang Strategik dan (ii) Bidang Khas. Terdapat lapan bidang kerjasama antara negara-negara MABIMS dalam Bidang Strategik. Manakala tiga bidang kerjasama dalam Bidang Khas antara ialah Penyelarasan Rukyah dan Takwim Islam yang diketuai oleh Republik Indonesia. Susulan daripada Persidangan Penetapan Awal Bulan Kamariah yang berlangsung di Istanbul pada tahun 1978, Penyelarasan Rukyah dan Takwim Islam MABIMS menjadi salah satu bidang kerjasama yang diberi perhatian. Strateginya adalah untuk memfokuskan kepada penukaran pengetahuan melalui pertemuan di antara pakar-pakar ilmu falak di samping mengadakan latihan ilmu falak dengan meluas. Ruang kerjasama ini merupakan platform terbaik dalam mengemaskini serta penyelarasan kaedah rukyah dan takwim Islam di masa hadapan. Salah satu isu penting yang menjadi perhatian MABIMS adalah penyatuan Kalender Islam Serantau (MABIMS 2018).

a. Kriteria Imkanur Rukyah (KIR) 1992

Pada awalnya ditubuhkan satu jawatankuasa yang melakukan kajian mengenai rukyah dan hisab bagi penentuan hilal iaitu Jawatankuasa Penyelarasan Rukyah dan Takwim Islam (JPRTI). Pertemuan pertama telah diadakan di Pulau Pinang pada 7 – 9 September 1991. Pertemuan ini dihadiri oleh wakil delegasi daripada empat buah negara anggota; Brunei seramai 3 orang, Indonesia seramai 4 orang, Malaysia selaku tuan rumah seramai 7 orang dan Singapura seramai 2 orang (Susiknan Azhari 2022).

Hasil daripada pertemuan tersebut Jawatankuasa telah bersepakat agar Pusat Kajian Falak di Universiti Sains Malaysia (USM) menyediakan kalendar selama lima tahun bagi kawasan Asia-Pasifik. Selain itu, USM telah dilantik untuk menjadi panitia penyatuan takwim Islam dan bekerjasama dengan Kementerian Agama Republik Indonesia (Susiknan Azhari 2022).

Pada 3 dan 4 Februari 1992, dalam pertemuan tidak rasmi Menteri-menteri Agama Brunei, Indonesia, Malaysia dan Singapura (MABIMS) telah bersepakat untuk menyelaraskan kaedah penentuan awal bulan Ramadan, Syawal dan Zulhijah di kalangan negara anggota berdasarkan rukyah dan hisab dan salah satu unsur penting dalam kaedah ini ialah kriteria *imkanur rukyah* (JAKIM 2001).

Seterusnya pada pertemuan ketiga yang berlangsung pada 1-2 Jun 1992 bertempat di Labuan, anggota MABIMS dalam JPRTI telah bersetuju untuk menerima pakai satu kriteria imkanur rukyah yang baru iaitu;

“kriteria yang telah dipersetujui itu ialah ijtimak telah berlaku pada 29 Syaaban, 29 Ramadan atau 29 Syawal sebelum matahari terbenam dan hilal dianggap boleh kelihatan apabila kiraan memenuhi salah satu syarat berikut:

- (a) sewaktu matahari terbenam, ketinggian anak bulan di atas ufuk tidak kurang daripada 2° dan jarak lengkung (bulan-matahari) tidak kurang daripada 3° **ATAU**
- (b) ketika bulan terbenam, umur anak bulan tidak kurang daripada 8 jam (selepas berlaku ijtimak)” (JAKIM 2001)

b. Kriteria Imkanur rukyah (KIR) 2016

Setelah 20 tahun menggunakan KRI 1992, pada 27-29 Jun 2012 berlangsung Muzakarah Penyelarasan Rukyat dan Takwim Islam MABIMS di Bali, Indonesia. Antara rumusan akhir muzakarah ini adalah untuk menjalankan kajian semula mengenai KRI. Rentetan daripada itu, pada 22 Mei 2014 telah diadakan pertemuan Jawatankuasa Penyelarasan Rukyah dan Takwim Islam MABIMS di Jakarta. Fokus perbahasan adalah mengenai kriteria kenampakan hilal MABIMS. Wakil delegasi daripada negara anggota yang hadir masing-masing mengusulkan kriteria kenampakan hilal iaitu;

- (i) Brunei mencadangkan hilal dapat dilihat pada ketinggian 5° dan umur bulan 19jam 13minit;
- (ii) Malaysia mencadangkan ketinggian hilal 3° ;
- (iii) Singapura mencadangkan beberapa kriteria iaitu pertama, altitud hilal $4^{\circ} 47'$ dan elongasi $9^{\circ} 23'$; kedua, altitud $7^{\circ} 36'$, elongasi 7° ; ketiga, altitud $5^{\circ} 30'$, elongasi $7^{\circ} 30'$ dengan umur hilal 8 jam; dan
- (iv) Indonesia mencadangkan ketinggian hilal 4° dan elongasi 6.4° (Ahmad Fadholi 2018).

Lanjutan daripada usulan ini, penganjuran Muzakarah Rukyah dan Takwim Islam Negara Anggota MABIMS yang diadakan di Malaysia pada 2-4 Ogos 2016 adalah untuk menyemak semula KRI yang diguna pakai oleh negara anggota MABIMS dalam penentuan takwim hijri dan awal bulan hijri. Selain itu turut dibincangkan mengenai pengimejan hilal menurut perspektif syarak.

Menerusi muzakarah ini, wakil delegasi daripada negara anggota telah mengusulkan kriteria seperti berikut;

- (i) Indonesia mengusulkan kriteria yang baru iaitu ketinggian hilal dari ufuk tidak kurang 4° dan jarak lengkung (sudut elongasi) tidak kurang dari 6.4° ;
- (ii) Singapura mengusulkan kriteria elongasi yang sama iaitu 6.4° ;
- (iii) Brunei mengusulkan umur hilal melebihi 19 jam atau kriteria elongasi tidak kurang daripada 6.4° ; yang mana persamaan kriteria elongasi bagi Indonesia, Singapura dan Brunei adalah kerana merujuk kepada penemuan yang dilakukan Mohamed Odeh (2004) manakala

- (iv) Malaysia mengusulkan ketinggian hilal ketika Matahari terbenam melebihi 3° dan sudut elongasi melebihi 5° berdasarkan hasil kajian cerapan hilal yang dilakukan bermula tahun 1972 sehingga 2013.

Setelah berlaku kesepakatan, maka hasil Muzakarah Rukyah Dan Takwim Islam Negara Anggota MABIMS kali ke 16 telah bersetuju menerima pakai kriteria imkanur rukyah baru bagi anggota MABIMS dalam penentuan takwim Hijri dan dan awal Bulan Hijri iaitu; “Ketika Matahari terbenam, ketinggian anak Bulan sama atau melebihi 3° dari ufuk dan jarak lengkung (sudut elongasi) Bulan ke Matahari tidak kurang dari 6.4° ”

Walau bagaimanapun, kriteria ini dicadangkan di untuk dilaksanakan kajian selama satu tahun sebelum secara rasminya menggantikan kriteria imkanur rukyah sedia ada. (Mohd Zambri & Mohd Saiful Anuar 2022)

Tidak terhenti disitu, pada 28-30 November 2017 telah diadakan Seminar Internasional Fiqh Falak bertempat di Jakarta. Tujuan seminar ini adalah bagi membahaskan cadangan daripada Persidangan Penyatuan Takwim Hijri yang di adakan di Istanbul pada 28-30 Mei 2016 yang membincangkan mengenai penyatuan takwim Hijri global. Antara resolusi seminar ini yang disebut sebagai Rekomendasi Jakarta 2017 ialah;

- (i) Bahawa rekomendasi Jakarta 2017 pada prinsipnya merupakan pembaikan dan/atau penyempurnaan serta dapat menjadi pelengkap kriteria yang telah ada sebelumnya yakni kriteria Istanbul Turki 2016 dengan melakukan pengubahsuaian kriteria iaitu altitud sekurang-kurang 3° dan sudut elongasi 6.4°

Pada 8 Disember 2021, Pertemuan Tahunan Tidak Rasmi Menteri-menteri Agama MABIMS telah menandatangani Persetujuan Kriteria Imkanur Rukyah Baharu MABIMS yang akan dilaksanakan pada tahun 1443H/2021M atau tertakluk pada kesediaan setiap negara anggota untuk mengimplementasikannya (JAKIM 2021).

Asas Penentuan Hilal di Brunei Darussalam

Menurut Perlembagaan Negara Brunei Darussalam, agama rasmi di Brunei Darussalam adalah agama Islam. Agama Islam yang dimaksudkan adalah menurut Ahli Sunnah Wal Jamaah mengikut mazhab Shafi'i. Hal ini disebutkan di Bahagian 1, Perkara 2 iaitu Tafsiran sebagaimana berikut: “Ugama Islam” bermakna Ugama Islam menurut Ahlis Sunnah Waljamaah mengikut Mazhab Shafi'ee (Attorney General's Chambers 2008)

Oleh yang demikian, segala hukum agama mestilah mengikut pandangan mazhab Shafi'i termasuk mengenai penentuan hilal.

Asas penetapan hilal oleh Imam Shafi'i yang tercatat dalam kitab *al-Umm* adalah berdasarkan hadis Rasulullah SAW yang diriwayatkan oleh Ibn Umar r.a. Rasulullah SAW bersabda;

حَدَّثَنَا عَبْدُ اللَّهِ بْنُ مَسْلَمَةَ، حَدَّثَنَا مَالِكٌ، عَنْ عَبْدِ اللَّهِ بْنِ دِينَارٍ، عَنْ عَبْدِ اللَّهِ بْنِ عُمَرَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُمَا، أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ، قَالَ: «الشَّهْرُ تِسْعٌ وَعِشْرُونَ لَيْلَةً، فَلَا تَصُومُوا حَتَّى تَرَوْهُ، فَإِنْ غُمَّ عَلَيْكُمْ فَأَكْمِلُوا الْعِدَّةَ ثَلَاثِينَ

Maksudnya: Daripada Abdullah Ibn Umar r.a, sesungguhnya Rasulullah SAW bersabda; Satu bulan itu mengandungi dua puluh sembilan hari (29), janganlah kamu berpuasa sehingga kamu melihat hilal, dan janganlah kamu berbuka sehingga melihat hilal, maka jika hilal tertutup awan dari kamu maka sempurnakan tempoh tiga puluh. (Sahih Bukhari No 1907)

Menurut Mohd Ariffin et al (2016), para fuqaha' Shafi'iyah sehingga kurun ke-9 Hijrah kebanyakan telah bersepakat dalam penentuan hilal bagi bulan hijri adalah melalui kaedah rukyah. Sekiranya hilal tidak kelihatan pada malam 29hb maka disempurnakan menjadi tiga puluh hari (*istikmal*). Selain itu, bagi penyaksian hilal majoriti *fuqaha' Shafi'iyah* menetapkan adalah memadai keterangan seorang saksi bagi menyabitkan kenampakan hilal. Manakala mengenai hitungan hisab bagi penetapan hilal, jamhur fuqaha menolak penggunaan hisab kerana dikhuatiri berhubung kait dengan ilmu *tanjim*.

Di negara Brunei Darussalam, penetapan hilal bagi bulan Hijri adalah berdasarkan fatwa yang dikeluarkan oleh YDP Dato Seri Maharaja Dato Seri Utama Haji Awang Ismail bin Omar Abd, Mufti Negara Brunei Darussalam seperti berikut;

“Hadith-hadith berkenaan memulakan puasa dan berbuka puasa (raya) terlalu banyak, maka hadith-hadith itu menerangkan wajib puasa dan berbuka digantungkan Allah pada melihat anak bulan, tidak digantungkan pada anak bulan, atau pada ilmu hisab, atau falak, ditegah mendahului bulan, berpuasa sebelum melihat anak bulan, ditegah menyerbu bulan puasa dengan semana-mana dengan tiada melihat anak bulan atau tiada menyempurnakan bilangan 30 hari, ditegah menyerbu berbuka puasa sebelum melihat anak bulan Syawal, atau menyempurnakan bilangan bulan Ramadan 30 hari, inilah qawl (pandangan) yang betul sehingga al-Imam Ibn Hajar r.a. berkata: Oleh sebab benar dan sah hadith-hadith itu dan banyak rawinya pada berpuasa dan berbuka dengan syarat melihat anak bulan atau menyempurnakan bilangan bulan 30 hari tiadalah harus bertaklid kepada al-Imam Ahmad”

Fatwa yang dikeluarkan oleh mantan Mufti Negara Brunei Darussalam adalah selari dengan kaedah penentuan hilal mengikut jamhur ulama' *Shafi'iyah* iaitu penentuan awal bulan bagi bulan-bulan ibadah; Ramadan, Syawal dan Zulhijjah adalah berdasarkan rukyah.

Manakala dalam penentuan matla', Brunei Darussalam tidak menerima hasil rukyah daripada negara lain yang mempunyai satu matla' dengan Brunei Darussalam seperti Indonesia dan Malaysia. Hal ini dinyatakan sebagai Fatwa Mufti Kerajaan pada tahun 1997 yang difatwakan oleh Yang Dimuliakan Lagi Dihormati Pehin Datu Seri Maharaja Dato Paduka Seri

Setia Ustaz Haji Awang Abdul Aziz bin Juned, Mufti Kerajaan Negara Brunei Darussalam (Fatwa Mufti Kerajaan 1997).

Prosedur Penentuan Hilal Ramadan, Syawal dan Zulhijjah di Negara Brunei Darussalam

Dalam menentukan kenampakan hilal Ramadan, Syawal dan Zulhijjah di Brunei Darussalam melibatkan beberapa agensi utama kerajaan seperti Mahkamah Syariah Brunei, Jabatan Ukur Brunei, Kementerian Hal Ehwal Ugama dan Jabatan Mufti Kerajaan Brunei.

Sebagaimana yang termaktub di dalam Akta Mahkamah-Mahkamah Syariah Penggal 184 di bawah Bab 29 iaitu Penentuan dan Pengesahan Anak Bulan bahawa:

- 29. (1) It shall be the duty of the Chief Syar'ie Judge at or about the beginning or end of each lunar month to make the enquiry in determining the dates of new moons on which rukyah may occur and also to make the enquiry on any specified day when the new moon may be sighted and then to determine and confirm the result of rukyah under his hand.*
- (2) After the enquiries mentioned in subsection (1), the Chief Syar'ie Judge shall forthwith inform the President of the Majlis who shall submit the determination and confirmation of rukyah to His Majesty the Sultan and Yang Di-Pertuan.*
- (3) The determination and confirmation which has been made by the Chief Syar'ie Judge in respect of rukyah shall be final.*

Peruntukan di atas memberi kuasa kepada Hakim-hakim Mahkamah Rendah Syariah untuk menentukan dan menyabitkan penglihatan anak bulan. Oleh yang demikian, hakim-hakim syarie perlu mempunyai pengetahuan yang cukup daripada sudut fiqh dalam bidang ilmu falak kerana tanggungjawab keatas peruntukan yang telah ditetapkan.


Manakala Jabatan Ukur Brunei pula melalui Bahagian Geodetik di bawah Unit Astronomi ditugaskan untuk membantu dari sudut teknikal bagi sebelum dan semasa hari cerapan anak bulan Ramadan, Syawal dan Zulhijjah. Semasa hari cerapan, pegawai-pegawai yang berkaitan akan ditugaskan untuk berada di stesen cerapan untuk membuat persediaan. Terkini, terdapat lima stesen cerapan di Brunei Darussalam iaitu Menara Bangunan Ibu Pejabat DST, Taman Rekreasi Tanjung Batu dan Bukit Agok di daerah Brunei-Muara, manakala Bukit Ambog di daerah Tutong dan Bukit Lumut di daerah Belait.

Kelazimannya Menteri Hal Ehwal Ugama, Ketua Hakim Syari, Mufti Kerajaan serta pegawai-pegawai daripada Jabatan Ukur, Kementerian Pembangunan; Kementerian Hal Ehwal Ugama dan Jabatan Mufti Kerajaan, Jabatan Perdana Menteri akan menyertai aktiviti cerapan hilal di Menara Bangunan Ibu Pejabat DST pada hari cerapan.

Manakala di tempat cerapan daerah lain seperti di Bukit Ambog, Tutong dan Bukit Lumut, Belait akan ditempatkan hakim-hakim syarie dan pegawai-pegawai Mahkamah Rendah Syariah Daerah serta pegawai-pegawai Pejabat Ukur Daerah. Setakat ini semasa cerapan hilal dijalankan, orang awam tidak dibuka untuk menyertai cerapan kecuali setelah mendapat kebenaran daripada pihak Mahkamah Syariah sahaja.

Apabila selesai cerapan, keputusan hasil cerapan di stesen-stesen cerapan sama ada hilal kelihatan atau tidak kelihatan akan dilaporkan kepada Ketua Hakim Syarie. Laporan tersebut seterusnya dimaklumkan kepada Menteri Hal Ehwal Ugama untuk dipersembahkan kepada Sultan Brunei Darussalam.

Setelah mendapat perkenan daripada Sultan Brunei Darussalam, maka pengumuman secara langsung mengenai hasil kenampakan hilal akan dibuat oleh Hakim Mahkamah Tinggi Syariah di stesen televisyen yang terlibat. Prosedur penetapan hilal Ramadan, Syawal dan Zulhijah di Brunei Darussalam adalah seperti Rajah 1;



Rajah 1. Carta perjalanan penetapan hilal di Brunei Darussalam

Melalui temubual dengan yang diadakan bersama Mohammad Hairul Azerin, Pegawai Ugama di Mahkamah Rayuan Syariah Negara Brunei Darussalam menyatakan bahawa;

‘Di Negara Brunei Darussalam, bagi penentuan Ramadan, Syawal dan Zulhijah adalah berdasarkan rukyah. Rukyah yang dimaksudkan adalah melihat hilal melalui alat bantuan optik seperti teodolit dan teleskop. Sekiranya hilal tidak kelihatan melalui alat bantuan optik meskipun sudah memenuhi kriteria Imkanur rukyah MABIMS, maka hilal dianggap tidak kelihatan dan bulan digenapkan menjadi tiga puluh hari (istikmal)’.

Perkara ini mengikut hasil Pertemuan tidak rasmi Menteri-menteri Agama MABIMS ke-4 yang diadakan di Negara Brunei Darussalam pada 6-7 Ogos 1993 di Bandar Seri Begawan. Pertemuan tersebut telah menghasilkan satu Garis Panduan Hisab Rukyah Negara Brunei Darussalam, Indonesia, Malaysia dan Singapura (Hassan 2021). Antara keputusan dalam pelaksanaan ru'yah adalah:

“Selain hisab, rukyah dilakukan untuk menentukan awal bulan Ramadan, Syawal dan Zulhijah dengan catatan berikut: Rukyah awal Zulhijah dilakukan untuk melakukan penyemakan hasil hisab, bukan penentu masuknya awal bulan, kecuali untuk Negara Brunei Darussalam. Indonesia, Malaysia dan Singapura sepakat bahawa jika posisi bulan telah memenuhi kriteria dan bulan tidak berhasil diru'yah, maka awal bulan ditetapkan berdasarkan hisab;

sedangkan bagi Negara Brunei Darussalam, awal bulan dilakukan dengan mengistimakan bulan yang sedang berjalan 30 hari”.

Analisis Kenampakan Hilal Ramadan dan Syawal bagi Tahun 1422h Hingga 1442h

Di kalangan negara MABIMS, hanya negara Brunei Darussalam menggunakan kaedah rukyah dalam penentuan hilal bagi bulan Ramadan, Syawal dan Zulhijah. Manakala bagi negara Indonesia, Malaysia dan Singapura menggunakan kaedah rukyah dan hisab. Oleh yang demikian, kajian ini akan menganalisis kenampakan hilal Ramadan dan Syawal selama dua puluh tahun bermula tahun 1422H/2001M sehingga 1442H/2021M.

Kajian ini memfokuskan kenampakan hilal Ramadan dan Syawal sahaja kerana maklumat mengenai kenampakan hilal di Brunei Darussalam adalah terhad. Tarikh penetapan 1 Ramadan dan 1 Syawal di Brunei Darussalam diperolehi melalui laporan akhbar Pelita Brunei sepanjang tahun 1422H sehingga 1442H. Jadual 1 merupakan perbandingan data hilal bagi tarikh 29 Syaaban. Manakala Jadual 2 adalah perbandingan data hilal bagi tarikh 29 Ramadan. Kedua-dua jadual ini bermula pada tahun 1422H sehingga 1442H bagi negara Brunei Darussalam dan Malaysia. Data-data yang diperolehi adalah dengan menggunakan perisian *Accurate Times 5.7*.

Perincian data hilal tersebut ialah altitud hilal (Alt), jarak lengkung (Elg) serta umur bulan. Oleh kerana negara Brunei Darussalam tidak menggunakan kaedah hisab, maka hasil rukyah hilal (R) akan disertakan bersama. Tanda (B) menandakan hilal berhasil dirukyah dan tanda T ialah tidak berhasil dirukyah. Bagi data Malaysia, oleh kerana menggunakan kaedah rukyah dan hisab maka sekiranya telah memenuhi kriteria imkanur rukyah ditanda dengan (M), tanda (TM) mewakili tidak memenuhi kriteria dan tanda (B) untuk belum berlakunya ijtimaq. Tanda (RH) pula menunjukkan hilal kelihatan dengan rukyah.

Hasil daripada cerapan daripada Jadual 1 dan Jadual 2 akan dibandingkan dalam Jadual 3 dilalui perbandingan tarikh 1 Ramadan dan 1 Syawal di Brunei Darussalam dan Malaysia.

Hasil dan Perbincangan

Berdasarkan Jadual 1, Rajah 1 menunjukkan hasil cerapan hilal di Brunei Darussalam mendapati daripada 21 data yang diperolehi 90% mewakili hilal tidak kelihatan ketika cerapan dijalankan. Hanya 10% sahaja menunjukkan hilal boleh dilihat ketika cerapan. Ini menjadikan sepanjang 21 tahun bermula 1422H hingga 1442H hampir setiap bulan Syaaban adalah 30 hari.

Jadual 1. Data Cerapan 29 Syaaban bagi tahun 1422H hingga 1442H di Brunei Darussalam dan Malaysia bagi Penentuan Ramadan.

No	Tarikh Hijri		Hasil Cerapan di Brunei Darussalam							Hasil Cerapan di Malaysia						
			Tarikh Masihi			Alt (2°)	Elg (3°)	U. Bulan (8j)	R	Tarikh Masihi			Alt (2°)	Elg (3°)	U. Bulan (8j)	MK
			H	B	T					H	B	T				
1	29 Syaaban	1422	16	11	2001	13° 7'	14° 38'	27j 22m	B	15	11	2001	1° 27'	2° 26'	4j 27m	TMK
2	29 Syaaban	1423	05	11	2002	6° 44'	8° 02'	13j 27m	T	05	11	2002	6° 49'	6° 57'	14j 55m	MK
3	29 Syaaban	1424	25	10	2003	-1° 38'	2° 27'	-2j 47m	T	25	10	2003	-1° 36'	2° 37'	1j 52m	B
4	29 Syaaban	1425	14	10	2004	2° 49'	3° 57'	7j 18m	T	14	10	2004	2° 38'	2° 55'	8j 30m	MK
5	29 Syaaban	1426	03	10	2005	-0° 55'	0° 20'	-0j 17m	T	03	10	2005	0° 53'	0° 54'	0j 40m	TMK
6	29 Syaaban	1427	22	09	2006	-1° 40'	0° 43'	-1j 29m	T	22	09	2006	0° 5'	3° 52'	5j 48m	TMK
7	29 Syaaban	1428	11	09	2007	-2° 22'	1° 27'	-2j 22m	T	11	09	2007	-2° 5'	2° 9'	-1j 30m	B
8	29 Syaaban	1429	31	08	2008	4° 40'	7° 57'	14j 29m	T	31	08	2008	4° 39'	7° 16'	15j 48m	MK
9	29 Syaaban	1430	20	08	2009	-1° 44'	2° 27'	30m	T	20	08	2009	-1° 26'	2° 58'	1j 24m	TMK
10	29 Syaaban	1431	10	08	2010	1° 45'	5° 33'	7j 27m	T	10	08	2010	1° 42'	5° 12'	8j 45m	MK
11	29 Syaaban	1432	31	07	2011	5° 49'	9° 45'	15j 57m	T	31	07	2011	5° 54'	9° 3'	17j 24m	MK
12	29 Syaaban	1433	19	07	2012	0° 43'	5° 14'	6j 14m	T	19	07	2012	0° 43'	5° 17'	7j 21m	TMK
13	29 Syaaban	1434	08	07	2013	-0° 27'	4° 45'	3j 23m	T	08	07	2013	0° 14'	4° 46'	4j 22m	TMK
14	29 Syaaban	1435	27	06	2014	0° 30'	4° 53'	2j 27m	T	27	06	2014	0° 14'	4° 52'	3j 27m	TMK
15	29 Syaaban	1436	16	06	2015	-3° 5'	5° 12'	-3j 32m	T	16	06	2015	-2° 41'	5° 33'	-2j 42m	B
16	29 Syaaban	1437	05	06	2016	3° 24'	6° 37'	7j 31m	T	05	06	2016	3° 29'	5° 51'	8j 48m	MK
17	29 Syaaban	1438	26	05	2017	7° 59'	10° 3'	14j 46m	B	26	05	2017	7° 57'	8° 43'	16j 21m	RH
18	29 Syaaban	1439	15	05	2018	1° 2'	4° 59'	-1j 21m	T	15	05	2018	0° 37'	4° 51'	-0j 22m	B
19	29 Syaaban	1440	05	05	2019	5° 3'	6° 39'	11j 40m	T	05	05	2019	5° 27'	6° 33'	12j 57m	MK
20	29 Syaaban	1441	23	04	2020	2° 53'	4° 44'	8j 1m	T	23	04	2020	3° 22'	4° 30'	9j 8m	MK
21	29 Syaaban	1442	12	04	2021	2° 51'	4° 22'	7j 57m	T	12	04	2021	3° 14'	4° 2'	9j 12m	MK


Jadual 2. Data Cerapan 29 Ramadan bagi tahun 1422H hingga 1442H di Brunei Darussalam dan Malaysia bagi Penentuan Syawal

			Hasil Cerapan di Brunei Darussalam							Hasil Cerapan di Malaysia						
No	Tarikh Hijri		Tarikh Masihi			Alt (2°)	Elg (3°)	U. Bulan (8j)	R	Tarikh Masihi			Alt (2°)	Elg (3°)	U. Bulan (8j)	MK
			H	B	T					H	B	T				
1	29 Ramadan	1422	15	12	2001	5° 38'	6° 42'	13j 23m	B	15	12	2001	5° 24'	5° 30'	14j 45m	RH
2	29 Ramadan	1423	04	12	2002	0° 19'	1° 29'	2j 31m	T	04	12	2002	0° 19'	0° 52'	3j 30m	TMK
3	29 Ramadan	1424	24	11	2003	4° 51'	6° 45'	11j 4m	T	24	11	2003	4° 42'	5° 45'	12j 24m	MK
4	29 Ramadan	1425	13	11	2004	8° 33'	11° 26'	19j 34m	B	12	11	2004	-3° 48'	3° 54'	-3j 41m	B
5	29 Ramadan	1426	02	11	2005	1° 59'	5° 7'	8j 37m	T	02	11	2005	1° 54'	4° 40'	9j 46m	MK
6	29 Ramadan	1427	22	10	2006	-0° 17'	3° 46'	4j 50m	T	22	10	2006	0° 5'	3° 52'	5j 48m	TMK
7	29 Ramadan	1428	11	10	2007	-0° 31'	4° 14'	5j 7m	T	11	10	2007	0° 16'	4° 24'	6j 3m	TMK
8	29 Ramadan	1429	30	09	2008	8° 6'	13° 34'	26j	T	29	09	2008	-1° 29'	4° 25'	2j 52m	TMK
9	29 Ramadan	1430	19	09	2009	4° 23'	9° 49'	15j 34m	T	19	09	2009	4° 35'	9° 24'	16j 52m	MK
10	29 Ramadan	1431	09	09	2010	9° 9'	15° 3'	23j 53m	B	08	09	2010	-2° 42'	5° 9'	0j 42m	TMK
11	29 Ramadan	1432	30	08	2011	12° 54'	18° 56'	31j 24m	B	29	08	2011	0° 49'	6° 30'	8j 27m	MK
12	29 Ramadan	1433	18	08	2012	5° 43'	16° 57'	18j 38m	T	18	08	2012	5° 26'	10° 53'	20j 4m	RH
13	29 Ramadan	1434	07	08	2013	2° 39'	7° 45'	12j 45m	T	07	08	2013	2° 48'	7° 22'	13j 57m	MK
14	29 Ramadan	1435	27	07	2014	2° 33'	7° 13'	11j 56m	T	27	07	2014	2° 33'	6° 43'	13j 9m	MK
15	29 Ramadan	1436	16	07	2015	2° 8'	6° 25'	9j 13m	T	16	07	2015	2° 7'	5° 55'	10j 24m	MK
16	29 Ramadan	1437	05	07	2016	10° 46'	13° 20'	23j 30m	B	04	07	2016	-1° 31'	4° 40'	0j 27m	TMK
17	29 Ramadan	1438	24	06	2017	3° 6'	6° 5'	8j 6m	T	24	06	2017	3° 22'	5° 19'	9j 21m	MK
18	29 Ramadan	1439	14	06	2018	6° 45'	8° 22'	14j 49m	B	14	06	2018	7° 27'	8°	16j 24m	MK
19	29 Ramadan	1440	04	06	2019	11° 31'	12° 32'	24j 27m	T	03	06	2019	-0° 12'	2° 52'	1j 15m	TMK
20	29 Ramadan	1441	23	05	2020	6° 31'	7° 25'	16j 49m	B	22	05	2020	-4° 20'	4° 35'	-6j 23m	TMK
21	29 Ramadan	1442	12	05	2021	5° 22'	6° 11'	15j 26m	T	11	05	2021	-4° 33'	4° 41'	-7j 48m	TMK


Jadual 3. Jadual Perbandingan tarikh 1 Ramadan dan 1 Syawal di Brunei Darussalam dan Malaysia bagi tahun 1422H sehingga 1442H

	Tahun Hijri	1 Ramadan						Tahun Hijri	1 Syawal					
No		Brunei			Malaysia				Brunei			Malaysia		
1	1422	17	11	2001	17	11	2001	1422	16	12	2001	16	12	2001
2	1423	07	11	2002	06	11	2002	1423	06	12	2002	06	12	2002
3	1424	27	10	2003	27	10	2003	1424	26	11	2003	25	11	2003
4	1425	16	10	2004	15	10	2004	1425	14	11	2004	14	11	2004
5	1426	05	10	2005	05	10	2005	1426	04	11	2005	03	11	2005
6	1427	24	09	2006	24	09	2006	1427	24	10	2006	24	10	2006
7	1428	13	09	2007	13	09	2007	1428	13	10	2007	13	10	2007
8	1429	02	09	2008	01	09	2008	1429	02	10	2008	01	10	2008
9	1430	22	08	2009	22	08	2009	1430	21	09	2009	20	09	2009
10	1431	12	08	2010	11	08	2010	1431	10	09	2010	10	09	2010
11	1432	02	08	2011	01	08	2011	1432	31	08	2011	30	08	2011
12	1433	21	07	2012	21	07	2012	1433	20	08	2012	19	08	2012
13	1434	10	07	2013	10	07	2013	1434	09	08	2013	08	08	2013
14	1435	29	06	2014	29	06	2014	1435	29	07	2014	28	07	2014
15	1436	18	06	2015	18	06	2015	1436	18	07	2015	17	07	2015
16	1437	07	06	2016	06	06	2016	1437	06	07	2016	06	07	2016
17	1438	27	05	2017	27	05	2017	1438	26	06	2017	25	06	2017
18	1439	17	05	2018	18	05	2018	1439	15	06	2018	15	06	2018
19	1440	07	05	2019	06	05	2019	1440	06	06	2019	05	06	2019
20	1441	25	04	2020	24	04	2020	1441	24	05	2020	24	05	2020
21	1442	14	04	2021	13	04	2021	1442	14	05	2021	13	05	2021

Rajah 1. Hasil Rukyah Ramadan di Brunei Darussalam bagi Tahun 1422H hingga 1442H




Rajah 2. Hasil Rukyah Ramadan di Malaysia bagi Tahun 1422H hingga 1442H




Jika dibandingkan dengan hasil rukyah hilal Ramadan di Malaysia, 5% menunjukkan hilal boleh dapat dirukyah, manakala 43% adalah memenuhi kriteria imkanur rukyah. Nilai keseluruhan sebanyak 48% secara tidak langsung menjadikan Syaaban mempunyai 29 hari dan keesokannya ialah 1 Ramadan.

Selain itu, 33% mewakili tidak memenuhi kriteria dan 19% adalah belum berlaku ijtimak pada hari cerapan. Ini menjadikan 52% adalah hilal tidak akan dapat dilihat dan keesokan harinya adalah 30 Syaaban.

Jika diperhatikan, tarikh cerapan bagi penentuan awal Ramadan kebanyakannya hampir sama di antara Brunei Darussalam dan Malaysia kerana kedua-dua menggunakan kaedah imkanur rukyah dalam penentuan hilal kecuali Ramadan, Syawal dan Zulhijah bagi negara Brunei Darussalam. Perbezaan kaedah ini seterusnya yang akan mempengaruhi perbezaan hari dalam penentuan awal bulan Ramadan dan Syawal seperti dalam Jadual 2 dan 3.



Rajah 3. Hasil Rukyah Syawal di Brunei Darussalam bagi Tahun 1422H hingga 1442H



Rajah 4. Hasil Rukyah Syawal di Malaysia bagi Tahun 1422H hingga 1442H

Bagi penentuan Syawal di Brunei Darussalam, 32% menunjukkan hilal dapat dirukyah manakala 68% hilal tidak dapat di rukyah menjadi sepanjang 21 tahun, hanya 7 tahun bulan Ramadan adalah 29 hari dan selebihnya adalah 30 hari.

Berbanding Malaysia, 9% menunjukkan hilal dapat dirukyah dan 43% adalah memenuhi kriteria imkanur rukyah. Ini bermakna 52% sepanjang 21 tahun iaitu 11 tahun bulan Ramadan

adalah 29 hari. Dan 48% iaitu 10 tahun adalah tidak memenuhi kriteria termasuk belum berlakunya ijtima'.

Jika dibandingkan tarikh cerapan bagi penentuan Syawal pula, Jadual 2 menunjukkan terdapat 7 tahun perbezaan tarikh cerapan hilal Syawal di Brunei Darussalam dan Malaysia. Perbezaan ini disebabkan hasil rukyah hilal Ramadan di Brunei Darussalam. Jika diperhatikan, tarikh cerapan Syawal adalah satu hari selepas hari cerapan di Malaysia. Keadaan ini memungkinkan hilal untuk kelihatan kerana pertambahan umur anak bulan.

Jadual 3 menunjukkan perbezaan tarikh 1 Ramadan dan 1 Syawal bagi kedua-dua negara Brunei Darussalam dan Malaysia. Sepanjang tahun 1422H sehingga 1442H, selama 10 tahun Brunei Darussalam memulakan awal Ramadan lewat sehari daripada tarikh 1 Ramadan di Malaysia. Manakala bagi menyambut 1 Syawal, selama 12 tahun Malaysia berhari raya Aidilfitri sehari awal daripada Brunei Darussalam.

Jadual 4. Data Hilal yang Berhasil di Rukyah di Brunei Darussalam

No	Tarikh Hijri		Tarikh Masihi			Alt (2°)	Elg (3°)	U. Bulan (8j)	R
			H	B	T				
1	29 Ramadan	1422	15	12	2001	5° 38'	6° 42'	13j 23m	B
2	29 Ramadan	1425	13	11	2004	8° 33'	11° 26'	19j 34m	B
3	29 Ramadan	1431	09	09	2010	9° 9'	15° 3'	23j 53m	B
4	29 Ramadan	1432	30	08	2011	12° 54'	18° 56'	31j 24m	B
5	29 Ramadan	1437	05	07	2016	10° 46'	13° 20'	23j 30m	B
6	29 Ramadan	1439	14	06	2018	6° 45'	8° 22'	14j 49m	B
7	29 Ramadan	1441	23	05	2020	6° 31'	7° 25'	16j 49m	B

Berdasarkan data kenampakan hilal di Brunei Darussalam menunjukkan nilai kedudukan hilal yang boleh dilihat secara mata kasar mahupun melalui bantuan peralatan optik seperti teodolit dan teleskop sebagaimana yang diterangkan semasa temubual bersama pegawai Mahkamah Syariah Brunei Darussalam. Hal ini secara tidak langsung bercanggah dengan kajian yang dilakukan oleh Shahir Akram dan Mohd Hanafi (2015) yang menerangkan bahawa penetapan hilal Ramadan, Syawal dan Zulhijjah di Brunei Darussalam adalah berdasarkan kenampakan melalui mata kasar.

Kesimpulan

Kaedah penentuan hilal di Negara Brunei Darussalam adalah dengan menggunakan kaedah imkanur rukyah kecuali pada tiga bulan ibadah iaitu Ramadan, Syawal dan Zulhijjah. Pada tiga bulan tersebut, hanya kaedah rukyah sahaja yang digunakan untuk melihat hilal sama ada hilal kelihatan melalui mata kasar mahupun melalui bantuan alatan optik. Sekiranya hilal tidak kelihatan, maka bulan Syaaban digenapkan menjadi 30 hari. Meskipun data menunjukkan pada hari cerapan hilal ada kemungkinan besar dapat dilihat tetapi terhalang kerana cuaca atau awal tebal.

RUJUKAN

- Ahmad Fadholi. 2018. Pandangan Ormas Islam Terhadap Draf Kriteria Baru Penentuan Kalender Hijriah di Indonesia. *Jurnal Hukum Islam* 18(1): 198-220.
- Hassan Metali. 2021. Merukyah Anak Bulan dan Sebatang Pen. <https://mediapermata.com.bn/merukyah-anak-bulan-dan-sebatang-pen/> (diakses pada 31/01/2023)
- Jabatan Mufti Kerajaan. 1997. Fatwa Mufti Kerajaan. Brunei Darussalam: Jabatan Mufti Kerajaan, Jabatan Perdana Menteri
- JAKIM. 2001. Kaedah Penentuan Awal Hijri. Kuala Lumpur: Jabatan Kemajuan Islam Malaysia.
- JAKIM. 2021. Sambutan Bulan Falak Malaysia Tahun 2021. <https://www.islam.gov.my/en/media-statement/2782-kenyataan-media-berkenaan-sambutan-bulan-falak-malaysia-tahun-2021> (diakses 31/01/2023)
- MABIMS. 2018. <http://www.mabims.gov.bn/SitePages/Pengenalan.aspx>. (diakses: 23/01/2023) Mohammaddin et.al (2016:144)
- Mohd Ariffin Ali, Jamaluddin Hashim dan Baharuddin Zainal. 2016. Kronologi Istibat Hukum Berkaitan Penetapan Awal Bulan Hijri Menurut Pandangan Mazhab al-Syafi'i Sehingga Kurun ke-9.
- Mohd Zambri Zainuddin & Mohd Saiful Anuar Mohd Nawawi. 2022. Kriteria Imkanur Rukyah Yang Baru 1443 Hijrah. dibentang dalam Webinar Falak Nusantara 1443h (Bulan Falak Malaysia)
- Odeh, Mohammad. 2004. New Criterion for Lunar Crescent Visibility. *Experimental Astronomy*. 18.p. 39-64. 10.1007/s10686-005-9002-5.
- Pelita Brunei. 2010. Brunei tuan rumah Pertemuan MABIMS Ke-14. <https://www.pelitabrunei.gov.bn/Arkib%20Dokumen/2010/Okttober/PB131010.pdf> (diakses pada 31/01/2023)
- Susiknan Azhari. 2022. Rekonstruksi Kriteria Visibilitas Hilal MABIMS dari 2, 3, 8 Menuju 3, 6, 4. <https://ibtimes.id/visibilitas-hilal-mabims/> (diakses pada 30/01/2023)
- Temubual dengan Mohammad Hairul Azerin, Pegawai Ugama Mahkamah Rayuan Syariah Negara Brunei Darussalam, pada hari Sabtu, 26 Mac 2023 pada jam 10.00 pagi